

**Discovery Channel Dijangka Siar Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Di  
165 Negara  
Bernama  
11 April , 2012  
Oleh Nik Nurfaqih Nik Wil dan Siti Fatimah Ahmad**

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Discovery Channel sedang bekerjasama dengan Tourism Malaysia untuk menerbitkan sebuah dokumentari mengenai pertabalan Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'azam Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14.

Pemangku Ketua Pengarah Tourism Malaysia, Datuk Azizan Noordin berkata dokumentari itu yang menumpukan kepada negara raja berperlembagaan akan diterbitkan oleh David Moggie, seorang warga Malaysia.

Mereka akan memberi tumpuan kepada keunikan pelantikan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara berdasarkan sistem giliran di kalangan sembilan Sultan dan Raja yang dipraktikkan selepas Malaysia mencapai Kemerdekaan pada 1957, katanya kepada Bernama di sini.

Tuanku Abdul Halim, pertama kali dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong (yang kelima) pada tahun 1970 semasa berumur 42 tahun dan hari ini ditabalkan semula sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 pada usia 84 tahun.

Azizan berkata Discovery Channel, sebuah saluran televisyen satelit dan kabel Amerika Syarikat, dijangka menyiarkan dokumentari itu di 165 negara pada September ini.

Ini adalah kali kedua Discovery Channel menerbitkan sebuah dokumentari mengenai kerabat diraja di Malaysia selepas pertabalan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir, pada 2010, katanya.

Katanya dokumentari itu juga akan mengkaji keunikan salasilah Kesultanan Kedah selepas pertabalan Tuanku Abdul Halim.

Beliau berharap dokumentari itu mampu mempromosikan Malaysia kepada dunia mengenai keunikan sistem raja berperlembagaan di negara ini.

Mengenai kos menerbitkan dokumentari itu, Azizan berkata: "Bajet dia tak banyak sebab kita dah ada banyak iklan yang kita lakukan dengan mereka jadi sebab itulah mereka memberi kita tambah nilai untuk iklan yang kita telah buat melalui mereka di seluruh dunia."

Azizan berkata penggambaran telah bermula minggu lepas dan skrip dokumentari itu telah dihasilkan dengan kerjasama Pejabat Sultan Kedah.

"Kita rujuk dengan pakar adat istiadat dan kita juga bekerjasama dengan RTM dan stesen televisyen lain bagi mendapatkan klip-klip yang menarik," katanya.

Katanya Tourism Malaysia sedang memantau keseluruhan proses penggambaran dokumentari itu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658431>